



PELAN STRATEGIK 2019 - 2024



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

DITERBITKAN OLEH:



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 2, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BANDAR MU'ADZAM SHAH
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

TEL: +604-7001980

FAX: +604-7001989

© JKSNK 2019

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.



ISI KANDUNGAN



PELAN STRATEGIK JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN 2019 - 2024

Prakata – Perutusan Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah Darul Aman

BAB 1 - PENDAHULUAN

Ringkasan Eksekutif
Latar Belakang
Carta Organisasi
Lakaran Kecemerlangan
Fungsi dan Peranan
Punca Kuasa

BAB 2 - SENARIO PERSEKITARAN

Pemegang Taruh (Stakeholder)
Pelanggan
Rakan Strategik

BAB 3 - HALA TUJU STRATEGIK

Visi, Misi dan Moto
Objektif
Nilai Bersama

1

4

5

6

7

10

11

15

17

18

20

21

22

ISI KANDUNGAN



PELAN STRATEGIK

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

2019 - 2024

BAB 4 - STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1

Memantapkan Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah Ke Arah Mendaulatkan Syariat Islam.

TERAS STRATEGIK 2

Memperkasa Keberkesanan Pengurusan dan Tadbir Urus Bagi Menjamin Keupayaan Penyampaian Perkhidmatan Yang Berterusan.

TERAS STRATEGIK 3

Meningkatkan Imej Jabatan dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Perundangan Syariah Bagi Mencapai Matlamat Keunggulan Organisasi.

26

36

48

BAB 5 - IMPLIMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

Mekanisme Perlaksanaan

Pemantauan dan Penilaian

Elemen Penentu Kejayaan

Memandang Ke Hadapan (The Way Forward)

55

56

57

58

BAB 6 - PENUTUP

60

PERUTUSAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman ALLAH S.W.T di dalam Surah an-Nisaa' ayat 135 bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu-bapa dan kaum kerabat kamu”.

Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T di atas limpah perkenan-Nya yang memberi kemudahan dan keizinan-Nya bagi menyempurnakan dokumen Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK) 2019-2024.

Tujuan utama Pelan Strategik JKSNK dilaksanakan adalah sebagai mekanisme ampuh untuk menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat JKSNK yang optimum dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Melalui pelan yang ditetapkan, adalah diharapkan perancangan kerja akan menjadi lebih fokus, terancang dan bersistematik bagi memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan melebihi *“expectation stakeholders”*. Hal ini penting bukan sahaja untuk memastikan hala tuju dan matlamat JKSNK tercapai, tetapi turut dinilai dan diukur keberkesannya.

Justeru itu, pelan strategik ini adalah tepat pada waktunya kerana ianya bukan sahaja menjadi panduan semua warga JKSNK, malah dapat memberi maklumat tepat kepada semua *“stakeholder”* berhubung dengan peranan, fungsi, integriti dan akauntabiliti Jabatan ini.

Maka, saya menyeru warga JKSNK agar dapat menzahirkan komitmen padu dalam pelaksanaan Pelan Strategik JKSNK 2019-2024 ini, bagi mencipta legasi Kehakiman Syariah unggul yang menjadi tunjang bagi undang-undang Islam sejajar untuk melestarikan agenda transformasi kerajaan.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

DATO' SYEIKH HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. ABDULLAH, DPMK., AMK., BCK.
KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



BAB 1

PENDAHULUAN



Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK) 2019-2024 dirangka bagi memenuhi visi JKSNK iaitu memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah ke tahap yang unggul dan berwibawa berteraskan Hukum Syarak dan undang-undang.

Bagi mencapai visi ini, JKSNK telah menetapkan misi iaitu menegakkan keadilan Undang-undang Syariah dan melaksanakan Perkhidmatan Kehakiman Syariah secara profesional dan beretika. Pelan strategik ini mengandungi latar belakang JKSNK, struktur organisasi, fungsi dan punca kuasa JKSNK.

Berikut adalah tiga teras strategik yang telah digariskan untuk tempoh lima tahun:-

- 1 Memantapkan Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah ke arah mendaulatkan Syariat Islam
- 2 Memperkasa keberkesanan pengurusan dan tadbir urus bagi menjamin keupayaan penyampaian perkhidmatan yang berterusan
- 3 Meningkatkan imej jabatan dan kefahaman masyarakat terhadap Perundangan Syariah bagi mencapai matlamat keunggulan organisasi


Mahkamah Syariah ditubuhkan berdasarkan Subseksyen 3 (1)(2)(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 1993 berkuatkuasa 1 Januari 1996 dan berada di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK).

Mulai 1 Januari 1997 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman telah menubuhkan JKSNK yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Mahkamah Syariah dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie.

Di awal penubuhannya JKSNK beroperasi di Jalan Kampung Perak bersebelahan dengan Masjid Zahir, Alor Setar. Mulai 1 September 2009, JKSNK beroperasi di Bangunan Mahkamah Syariah, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Mahkamah Syariah diwujudkan dalam tiga peringkat seperti berikut:

1. Mahkamah Rayuan Syariah.
2. Mahkamah Tinggi Syariah.
3. Mahkamah Rendah Syariah:-
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Kota Setar.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Kuala Muda.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Kubang Pasu.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Kulim.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Langkawi.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Baling.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Pendang.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Sik.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Yan.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Padang Terap.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Bandar Baharu.
 - ❖ Mahkamah Rendah Syariah Pokok Sena.



Sepanjang penubuhan JKSNK sejak tahun 1996, pelbagai kejayaan telah dicapai dalam bidang pengurusan pentadbiran dan kehakiman. Kejayaan ini dicapai di peringkat negeri, persekutuan dan antarabangsa.

TAHUN 1996- 2010

- MS ISO 9001:1994
- MS ISO 9001:2000
- MS ISO 9001:2008



TAHUN 2011 - 2015

- MS ISO 9001:2015
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 – 4 Bintang
- Anugerah Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2014 – Tempat Ketiga
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 – 5 Bintang
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Rekod Tahun 2015 hingga 2016 – Kategori Baik
- Anugerah Pengiktirafan Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2015 – 5 Bintang
- Anugerah Cemerlang Rekod Kehadiran Kursus Tahun 2015




TAHUN 2016 - 2018

- Anugerah Sinar HRMIS Tahun 2016 – 5 Bintang
- Anugerah Pengiktirafan Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2017 – Cemerlang 100%
- Anugerah Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2017 – Tempat Ketiga 4 Bintang
- Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2017 – Cemerlang 5 Bintang
- Anugerah Pengiktirafan Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2018 – Cemerlang 100%
- Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Utara (RTEEx) 2018 – Anugerah Emas
- Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018 – Anugerah Emas
- Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEEx) 2018 – Anugerah 20 Kumpulan Terbaik
- Anugerah Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018 – 5 Bintang



4 M



Menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes mengikut Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang

Menguatkuasa dan melaksanakan perintah berasaskan Hukum Syarak dan undang-undang

Menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan Syariah secara teratur dan berkesan

Membangunkan sumber manusia yang terlatih

ENAKMEN



Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008



Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014



Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014



Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008



Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008






Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014



Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014

ARAHAN AMALAN



ARAHAN PENTADBIRAN & KEWANGAN



PERINTAH AM



PEKELILING
KEMAJUAN
PENTADBIRAN
AWAM



ARAHAN
PENTADBIRAN
DAN
KEWANGAN



1 PEKELILING
PERBENDAHARAAN
(1PP)



SURAT-SURAT
PEKELILING



BAB 2

SENARIO

PERSEKITARAN



PERINGKAT PERSEKUTUAN



**JABATAN
PERDANA
MENTERI**



**MENTERI DI
JABATAN
PERDANA
MENTERI
(AGAMA)**



**JABATAN
KEHAKIMAN
SYARIAH
MALAYSIA
(JKSM)**







**KEMENTERIAN / JABATAN /
AGENSI KERAJAAN**

K



**PERTUBUHAN / AGENSI DI
PERINGKAT ANTARABANGSA**

P



**PERTUBUHAN SUKARELA
KEBAJIKAN**

P



SYARIKAT KORPORAT

S



MEDIA

M






BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK



MEMARTABATKAN
INSTITUSI KEHAKIMAN
SYARIAH KE TAHAP
YANG TERUNGGUL
DAN BERWIBAWA
BERTERASKAN HUKUM
SYARAK DAN UNDANG-
UNDANG

MENEGAKKAN
KEADILAN UNDANG-
UNDANG SYARIAH DAN
MELAKSANAKAN
PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN SYARIAH
SECARA PROFESIONAL
DAN BERETIKA



01

MELAKSANAKAN
PENGURUSAN DAN
PENGADILAN KES
DENGAN CEKAP DAN
BERKESAN

02

MEMPERKASAKAN
PENGURUSAN
ORGANISASI



03

MEMBANGUN MODAL
INSAN YANG KOMPETEN
DAN BERPRESTASI TINGGI

04

MEMBINA KEPERCAYAAN
DAN KEYAKINAN
TERHADAP INSTITUSI
KEHAKIMAN SYARIAH



PROFESIONALISME

Berpegang pada ciri-ciri profesionalisme dalam melaksanakan tugas, bertanggungjawab terhadap pencapaian dan mutu perkhidmatan serta komited memberikan perkhidmatan yang terbaik.



BERILMU MELALUI PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Meningkatkan ilmu melalui pembelajaran berterusan. Penerapan amalan perkongsian ilmu, mempelajari amalan terbaik serta menyuntik pelbagai kemahiran untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.



BERTINDAK SECARA AMAL JAMA'I

Bersatu dan bekerjasama ke arah melaksanakan tanggungjawab dan amanah selaras dengan visi, misi dan objektif jabatan dalam menyokong agenda transformasi negara.

NILAI BERSAMA



BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Mengamalkan sifat-sifat terpuji, cepat menyesuaikan diri dalam semua keadaan, bersedia menerima kritikan dan teguran, memelihara penampilan dan sentiasa berbudi bahasa.



KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

Mempamerkan budaya kecemerlangan dan keunggulan dalam penyampaian perkhidmatan. Ini menjamin kualiti kerja terbaik dan peningkatan kepercayaan serta keyakinan *stakeholders* dan pelanggan terhadap jabatan.



BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



1

Memantapkan Pentadbiran Kehakiman Dan Perundangan Syariah Ke Arah Mendaulatkan Syariat Islam



Memperkasa Keberkesanan Pengurusan Dan Tadbir Urus Bagi Menjamin Keupayaan Penyampaian Perkhidmatan Yang Berterusan

2

3

Meningkatkan Imej Jabatan Dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Perundangan Syariah Bagi Mencapai Matlamat Keunggulan Organisasi



TERAS STRATEGIK

1

**MEMANTAPKAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN
SYARIAH KE ARAH
MENDAULATKAN SYARIAT
ISLAM**



MEMANTAPKAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN SYARIAH KE ARAH MENDAULATKAN SYARIAT ISLAM

TERAS STRATEGIK 1

Teras Strategik Pertama mengandungi tujuh (7) strategi iaitu "Penyelesaian Kes-Kes Tertangguh", "Mempercepatkan Penyelesaian Kes Mal", "Pemeriksaan Perkhidmatan Kaunter", "Pemeriksaan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Kedah Melalui Kolaborasi Bersama Dengan Jabatan, Agensi Dan NGO Yang Melaksanakan Dan Menguatkuasakan Undang-Undang Syariah", "Pemeriksaan Proses Penyelesaian Kes Secara Alternatif", "Pemeriksaan Proses Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah" dan "Penggubalan Dan Penyemakan Undang-undang".

Sebagai sebuah Institusi Kehakiman Syariah yang wujud di sebuah Negeri yang mempunyai jumlah penduduk Islam yang ramai,

status pelanggan yang memiliki tahap pendidikan dan latar belakang sosio ekonomi yang secara majoritinya bermula dari kelas pertengahan dan bawahan dan pelanggan yang datang daripada berbagai-bagai latar belakang budaya, keturunan dan kewarganegaraan, JKSNK berhadapan dengan cabaran yang sangat besar dan getir untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan selaras dengan undang-undang dan Hukum Syarak tanpa timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi JKSNK untuk menjadi sebuah jabatan yang memiliki sistem pentadbiran kehakiman dan perundangan Syariah yang mantap, fokus, teratur, berdaya saing, terkini dan berinovasi.

STRATEGI

STRATEGI

1

Penyelesaian kes-kes tertangguh

(1 PROGRAM)

STRATEGI

2

Mempercepatkan penyelesaian kes Mal

(2 PROGRAM)

STRATEGI

3

Pemeriksaan perkhidmatan kaunter

(5 PROGRAM)

STRATEGI

4

Pemeriksaan pentadbiran undang-undang Islam di Kedah

(1 PROGRAM)

STRATEGI

5

Pemeriksaan proses penyelesaian kes secara alternatif

(3 PROGRAM)

STRATEGI

6

Pemeriksaan proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah

(2 PROGRAM)

STRATEGI

7

Penggubalan dan penyemakan undang-undang

(3 PROGRAM)

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
1. Penyelesaian kes-kes tertangguh	Menyenaraikan dan menyelesaikan kes-kes yang telah difailkan melebihi 2 tahun.	Peratus kes selesai.	90% kes yang belum selesai bagi kes yang difailkan melebihi 2 tahun berjaya diselesaikan	Setiap tahun	Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rendah Syariah (MRS)
2. Mempercepatkan penyelesaian kes Mal	2.1 Memendekkan proses kerja dan mengurangkan karenah birokrasi melalui proses perekayasaan dalam program <i>Key Focus Activity</i> (KFA).	Bilangan program perekayasaan proses kerja.	Satu program perekayasaan proses kerja setiap tahun	Setiap tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
	2.2. Menetapkan KPI bagi kes-kes semasa.	Peratusan penyelesaian kes.	80% Kes Mal	Setiap tahun	MTS dan MRS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
3. Pemerkasaan perkhidmatan kaunter	3.1 Mewujudkan kaunter pertanyaan, pengurusan afidavit dan wakalah secara berasingan dengan kaunter pendaftaran	Bilangan lokasi Mahkamah Syariah	Semua lokasi MTS dan MRS	2024	Bahagian Khidmat Pengurusan
	3.2 Mewujudkan <i>One Stop Centre</i> di jabatan	Bilangan <i>One Stop Centre</i>	Satu di Ibu Pejabat	2020	Bahagian Khidmat Pengurusan
	3.3 Mewujudkan carta aliran kerja untuk kemudahan pelanggan berurusan di kaunter	Bilangan carta aliran kerja	12 carta aliran	2020 - 2024	Bahagian Khidmat Pengurusan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	3.4 Mewujudkan kiosk myReCourt untuk kemudahan pelanggan menyediakan dokumen pendaftaran kes.	Bilangan kiosk	12 kiosk	2020	Bahagian Khidmat Pengurusan
	3.5 Meluaskan pemakaian "Queue Management System" (QMS)	Bilangan QMS	Semua MRS	2020 - 2024	Bahagian Khidmat Pengurusan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
<p>4. Pemerkasaan pentadbiran undang-undang Islam di Kedah melalui kolaborasi bersama dengan jabatan, agensi dan NGO yang melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang Syariah</p>	<p>Menganjurkan mesyuarat penyelarasan antara JKSNK dengan jabatan dan agensi lain (Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan JHEAIK, Polis, Penjara, Jabatan Bantuan Guaman, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah, Jabatan Imigresen dan lain-lain)</p>	<p>Bilangan Mesyuarat</p>	<p>3 kali</p>	<p>Setiap tahun</p>	<p>Bahagian Khidmat Pengurusan</p>

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
5. Pemerkasaan proses penyelesaian kes secara alternatif	5.1 Melantik anggota Panel Hakam bagi memperkasakan proses Hakam	Jumlah pelantikan anggota panel hakam	20 orang anggota Panel Hakam dilantik	2020	Ketua Hakim Syarie
	5.2 Membuat kajian pelaksanaan timbangtara dalam kes nafkah	Bilangan laporan kajian	1 laporan disediakan dan dibentangkan	2020	Bahagian Penyelidikan
	5.3 Membuat kajian penambahbaikan proses <i>sulh</i> di Mahkamah Syariah agar lebih berkesan dalam menyelesaikan kes secara persetujuan bersama	Bilangan laporan kajian	1 laporan disediakan dan dibentangkan	2020	Bahagian Penyelidikan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
6. Pemerkasaan proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah	6.1 Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah Mahkamah.	Bilangan SOP	3 SOP	2020	Bahagian Penyelidikan
	6.2 Memantapkan pemahaman pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah	Bilangan kursus	1 Kursus	Setiap tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Penggubalan dan penyemakan undang-undang	7.1 Mewujudkan undang undang berkaitan Mahkamah Syariah	Bilangan undang-undang	2 Undang-undang	2023	Bahagian Penyelidikan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	7.2 Kajian penambahbaikan undang-undang yang sedia ada	Bilangan kajian	3 kajian	2024	Bahagian Penyelidikan
	7.3 Kajian pengwujudan kaedah-kaedah	Bilangan kaedah	3 kaedah	2024	Bahagian Penyelidikan

TERAS STRATEGIK

2

**MEMPERKASA
KEBERKESANAN
PENGURUSAN DAN TADBIR
URUS BAGI MENJAMIN
KEUPAYAAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG
BERTERUSAN**



MEMPERKASA KEBERKESANAN PENGURUSAN DAN TADBIR URUS BAGI MENJAMIN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERTERUSAN

TERAS STRATEGIK 2

Teras Strategik Kedua mengandungi lima (5) strategi iaitu "Memperkasa Dan Meningkatkan Keberkesanan Tadbir Urus Di Jabatan Kehakiman Syariah Kedah", "Peningkatan Kompetensi Warga Jabatan", "Meningkatkan Tahap Motivasi Warga Kerja Agar Sentiasa Cemerlang Dan Produktif", "Meningkatkan Aspek Penjagaan Kebajikan Warga Jabatan Dan Jalinan Kerjasama Yang Erat Antara Seluruh Warga Jabatan", dan "Penyediaan Kemudahan, Prasarana Dan Ruang Kerja Yang Kondusif Dan Selamat".

Salah satu daripada cabaran utama JKSNK ialah memastikan keadilan ditegakkan dengan mematuhi segala proses kerja dan undang-undang yang berkuatkuasa dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh piagam pelanggan agar pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Oleh yang demikian, tadbir urus yang terbaik adalah sangat penting bagi menghadapi cabaran ini dengan berkesan. Kelima-lima strategi ini diatur agar teras kedua ini dapat direalisasikan dan akan dilaksanakan sejajar dengan pekeliling dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

STRATEGI



STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
1. Memperkasa dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus di Jabatan Kehakiman Syariah Kedah	1.1 Meningkatkan kecekapan proses dan kawalan dalaman melalui pengukuhan pengurusan dan pelaksanaan sistem kualiti.	Peratusan pencapaian analisa Prestasi Perkhidmatan melalui Objektif Kualiti JKSNK.	85% pencapaian prestasi keseluruhan jabatan.	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
		Peratusan tindakan terhadap Laporan Auditan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015.	100% tindakan diambil		
		Peratusan bilangan <i>Non Conformance Report (NCR)</i> dan <i>Opportunity For Improvement (OFI)</i>	Penurunan 30% setiap tahun		

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	1.2 Melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi memenuhi kriteria Audit Indeks Akauntabiliti.	Status pencapaian auditan Audit Indeks Akauntabiliti	Tersenarai dalam jabatan cemerlang dengan penarafan 5 bintang.	2 tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
	1.3 Melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi memenuhi kriteria Inspektorat Keselamatan.	Bilangan Inspektorat Keselamatan.	Satu tahun satu MRS Daerah.	Setiap tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
	1.4 Melaksanakan program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Jumlah aktiviti	Mewujudkan 1 kumpulan untuk projek KIK	2 tahun sekali	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	1.5 Melaksanakan budaya dan persekitaran kerja yang kondusif melalui amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Status pencapaian amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Pensijilan EKSA di lokasi yang terlibat.	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	1.6 Melaksanakan Sistem <i>MySMS</i>	Bilangan mahkamah	Semua MTS dan MRS	Setiap bulan	MTS dan MRS
	1.7 Mengoptimumkan Modul e-Bicara	Bilangan pengguna	70% Hakim menggunakan modul e-Bicara	2019-2023	MTS dan MRS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	1.8 Menguatkuasakan penggunaan Sistem <i>e-Syariah</i> untuk fungsi pendaftaran kes Mal dan kes Jenayah	Peratus pendaftaran	100%	Setiap tahun	MTS dan MRS
2. Peningkatan kompetensi warga jabatan	2.1 Menyediakan bajet khas bagi program latihan	Jumlah bajet	Sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen jabatan	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	2.2 Mengadakan kursus bagi setiap kumpulan Gred	Bilangan kursus dianjurkan	3 kursus setahun	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	2.3 Mengenalpasti dan mencalonkan kehadiran bagi kursus luar	Bilangan kursus	12 kursus	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	2.4 Memastikan semua warga jabatan menghadiri kursus yang relevan dengan bidang tugas dan keperluan	Bilangan kursus	Tidak kurang 7 hari setahun bagi setiap warga jabatan	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	2.5 Mencalonkan Pegawai Syariah ke kursus/seminar/ konvensyen peringkat antarabangsa	Bilangan pegawai	2 orang	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
<p>3. Meningkatkan tahap motivasi warga kerja agar sentiasa cemerlang dan produktif</p>	<p>3.1 Memberi penghargaan dengan mewujudkan anugerah bagi warga jabatan cemerlang</p>	<p>Bilangan anugerah</p>	<p>5 Anugerah</p> <ul style="list-style-type: none"> • MS ISO 9001:2015 Terbaik • Indeks Akauntabiliti Terbaik • <i>Key Performance Indicator</i> Terbaik • Anugerah Kakitangan Terbaik MRS/MTS/Unit • ICT Terbaik:- Kategori Mahkamah dan Individu 	<p>Setiap tahun</p>	<p>Pejabat Ketua Pendaftar</p>

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
	3.2 Memberi penghargaan dengan mencalonkan warga jabatan yang layak untuk menerima pingat dan darjah kebesaran	Bilangan pegawai	5 pencalonan	Setiap tahun	Pejabat Ketua Hakim Syarie
	3.3 Menganjurkan program-program yang menyemarakkan motivasi dan semangat kerja berpasukan	Bilangan program	5 program	2019-2024	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
4. Meningkatkan aspek penjagaan kebajikan warga jabatan dan jalinan kerjasama yang erat antara seluruh warga jabatan	4.1 Menyelesaikan isu relevan yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)	Peratusan isu-isu yang diselesaikan	70%	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	4.2 Memantapkan kesihatan warga jabatan	Jumlah program	Satu Program Kesedaran Kesihatan	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
5. Penyediaan kemudahan, prasarana dan ruang kerja yang kondusif dan selamat	5.1 Menaiktaraf Bangunan Mahkamah Syariah	Bilangan bangunan	Satu buah bangunan	Setiap dua tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan
	5.2 Membuat penyelenggaraan berkala bagi keseluruhan peralatan dan kemudahan yang terdapat dalam bangunan	Peratusan penyelenggaraan	70%	Setiap tahun	Bahagian Khidmat Pengurusan

TERAS STRATEGIK

3

**MENINGKATKAN IMEJ
JABATAN DAN KEFAHAMAN
MASYARAKAT TERHADAP
PERUNDANGAN SYARIAH
BAGI MENCAPAI MATLAMAT
KEUNGGULAN ORGANISASI**



MENINGKATKAN IMEJ JABATAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PERUNDANGAN SYARIAH BAGI MENCAPAI MATLAMAT KEUNGGULAN ORGANISASI

Teras Strategik Ketiga mengandungi tiga (3) strategi iaitu “Melaksanakan program Promosi Jabatan”, “Memperkuhkan Jaringan Penyampaian Maklumat” dan “Mendidik Dan Menyebarkan Pengetahuan Tentang Perundangan Syariah Kepada Masyarakat”.

Imej sesuatu organisasi amat penting dalam meyakinkan pelanggan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang dilaksanakan.

Justeru, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK) akan giat melaksanakan usaha bagi mempertingkatkan imej korporatnya melalui peningkatan kecekapan barisan hadapan.

Program turun padang akan diadakan dengan lebih kerap agar masyarakat lebih memahami fungsi dan peranan yang dimainkan oleh jabatan dalam melaksanakan fungsinya.

Maklumat di dalam laman web akan sentiasa dipantau dan dikemas kini agar ia dapat memberi informasi kepada masyarakat.

Media akan dimanfaatkan secara strategik supaya menjadi medium yang berkesan untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat serta dijadikan sebagai saluran dakwah yang menarik.

JKSNK komited mempelbagaikan penerbitan dan bahan-bahan ilmiah untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan sumber maklumat.

Dengan cara itu, imej JKSNK akan dapat dipertingkatkan ke arah yang lebih positif.

Bagi melahirkan masyarakat yang lebih celik undang-undang, program-program bersifat peningkatan pengetahuan undang-undang Syariah penting kerana masyarakat yang memahami undang-undang dapat memudahkan urusan mendapatkan hak di mahkamah.

STRATEGI

2 PROGRAM

S1:
Melaksanakan
program
promosi
Jabatan



2 PROGRAM

S2:
Memperkuuhkan
jaringan
penyampaian
maklumat



1 PROGRAM

S3:
Mendidik dan
menyebarkan
pengetahuan
tentang
perundangan
Syariah kepada
masyarakat



STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
1. Melaksanakan program promosi jabatan	1.1 Mengadakan program bersama pelanggan	Bilangan program	4 program	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar
	1.2 Mewujudkan jalinan kerjasama dengan agensi luar.	Bilangan agensi	20 agensi	2019-2024	Pejabat Ketua Pendaftar

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
2. Memperkukuhkan jaringan penyampaian maklumat	2.1 Mengemas- kini maklumat menerusi laman web	Bilangan	Satu kali	Setiap bulan	Pejabat Ketua Pendaftar/Unit ICT
	2.2 Menerbitkan bahan-bahan rujukan/kajian ilmiah	Bilangan penerbitan	Satu kali	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar/ Bahagian Penyelidikan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN/ TANGGUNGJAWAB
3. Mendidik dan menyebarkan pengetahuan tentang perundangan Syariah kepada masyarakat	Menganjurkan dan terlibat dengan program atau slot literasi undang-undang dengan agensi luar.	Bilangan program	2 program	Setiap tahun	Pejabat Ketua Pendaftar



BAB 5

IMPLEMENTASI

KE ARAH

KEJAYAMAN



MEKANISME PELAKSANAAN

Melaksanakan kesedaran pengurusan strategik melalui Laman Web JKSNK secara berkala, seminar dan mesyuarat pengurusan tertinggi.

Membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program.

Setiap Bahagian membangunkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sejajar dengan Pelan Strategik sebagai panduan pelaksanaan program.

Status pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik disalur dan dihebahkan melalui Laman Web JKSNK.



1

**Mesyuarat Pemantauan dan Penilaian
Pelan Strategik ENAM Bulan sekali**



2

Penilaian Pencapaian Dua Tahun sekali



3

**Penilaian keberkesanan dan kajian
semula Pelan Strategik pada tahun 2024**

4

Komponen utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan perancangan strategik iaitu:-

PENGURUSAN ATASAN YANG BERWAWASAN

Pengurusan atasan JKSNK memberikan perhatian yang serius serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan perancangan strategik ini.

BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

Perkhidmatan yang berprestasi tinggi menjadi fokus utama bagi memuaskan hati pelanggan yang berurusan dengan JKSNK. Struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara efisien dan fleksibel membawa perkhidmatan ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG PROFESIONAL

Tumpuan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai.

PERTINGKATKAN KAPASITI SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memaksimumkan penggunaan sistem teknologi maklumat dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

THE WAY FORWARD

Pelaksanaan Pelan Strategik JKSNK 2019-2024 adalah penentu hala tuju jabatan yang dapat dicapai berdasarkan komitmen semua pihak. Peranan JKSNK diharap akan lebih menyerlah dalam aspek Pengurusan Kehakiman dan Pentadbiran Undang-undang Syariah setelah berakhirnya tahun 2024. JKSNK mempunyai wawasan untuk terus mencapai kecemerlangan seperti berikut:-





BAB 6

PENUTUP





Perubahan persekitaran, peningkatan kehendak pelanggan serta harapan yang tinggi pihak berkepentingan memerlukan JKSNK bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang.

Sehubungan dengan itu, penghayatan dan amalan ciri-ciri budaya kerja cemerlang dapat memartabatkan imej JKSNK disamping meningkatkan keupayaan modal insan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Adalah diharapkan seluruh warga kerja JKSNK dapat menghayati dan menterjemahkan hasrat murni Pelan Strategik JKSNK 2019-2024 melalui pelaksanaan program yang ditetapkan bagi merealisasikan Visi dan Misi jabatan.